

# **Kajian Komparatif dalam Surah Yusuf Menurut Tafsir Al-Tabari Dan Tafsir Ibn Kathir**

**[Comparative Study in Surah Yusuf According to Tafsir Al-Tabari and Tafsir Ibn Kathir]**

**Shamsiah Daud<sup>1</sup> Mohd Yusri Yusuf<sup>2</sup> & Amrina Rasyada Kamaruzaman<sup>3</sup>**

1. (Corresponding Author) Department of Islamic Studies and Moral Studies, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, 22200, Malaysia, e-mail: drshamsiah@ipgmksm.edu.my
2. SK. Bukit Kenak, 22200, Malaysia, e-mail : yusree75@yahoo.com
3. Department of Al-Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: amrina.rasyada93@gmail.com

## **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to compare the content of Surah Yusuf between Tafsir Al-Tabari and Tafsir Ibn Kathir. These two tafsirs were chosen because they fall under the commentators' preferred category of tafsir bil mathur, or Tafsir Tahlili. However, there is an element of difference between these two interpretations, particularly with regards to Israiliyyat found in surah Yusuf. Some examples of Israiliyyat have been included in this study. This matter is seen as important to be clarified because many stories circulating in the community are based on Israiliyyat compared to the stories stated in Surah Yusuf. This study is a bibliographic study by collecting data and information either through books or articles that are analyzed using the descriptive. As a result, maintaining the veracity of the stories in the Qur'an approach depends greatly on the ongoing study of Israiliyyat. This is to help the community to understand the story that is genuinely based on the Quran and prevent confusion while seeking guidance and lessons if there is an element of Israiliyyat.*

**Keywords:** *Tafsir Al-Tabari, Tafsir Ibn Kathir, Comparison, Surah Yusuf, History of Israiliyyat*

---

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan antara Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir mengenai kandungan yang terdapat dalam Surah Yusuf. Dua

tafsir ini dipilih kerana termasuk dalam kategori *Tafsir bil mathur* atau *Tafsir Tahlili* yang menjadi rujukan para mufassirin. Namun begitu terdapat unsur perbezaan antara dua tafsir ini khususnya mengenai Israiliyyat yang terdapat dalam Surah Yusuf. Beberapa contoh Israiliyyat telah dimasukkan dalam kajian ini kerana ianya dilihat penting untuk diperjelaskan kepada umum ekoran terdapatnya unsur Israiliyyat di dalam surah tersebut. Perkara ini dilihat penting untuk diperjelaskan kerana banyak cerita yang berlebar dalam masyarakat adalah berunsurkan Israiliyyat. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan iaitu dengan mengumpulkan data dan maklumat samada melalui buku-buku atau artikel-artikel yang dianalisis menggunakan metode deskriptif. Oleh itu, kajian berterusan mengenai Israiliyyat adalah sangat penting demi menjaga keaslian kisah-kisah di dalam al-Quran. Hal ini supaya masyarakat dapat mengetahui cerita yang sahih menurut al-Quran dan hadith sekaligus menolak kisah Israiliyyat.

**Kata kunci:** Tafsir Al-Tabari, Tafsir Ibn Kathir, Perbandingan, Surah Yusuf, Riwayat Israiliyyat

**How to Cite:**

Received : 07-08-2023  
Accepted : 29-09-2023  
Published : 28-11-2023

Shamsiah Daud, Mohd Yusri Yusuf, & Amrina Rasyada Kamaruzaman. (2023). Kajian Komparatif dalam Surah Yusuf Menurut Tafsir Al-Tabari Dan Tafsir Ibn Kathir. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 17-32

## 1. Pengenalan

Islam adalah agama yang lengkap yang merupakan cara hidup bagi manusia sejagat. Di dalamnya terkandung pelbagai aspek berkaitan akidah, ibadah, akhlak dan juga cerita umat terdahulu. Dalam mentafsirkan sesuatu ayat khususnya berkaitan umat yang terdahulu terdapat sebahagian ahli tafsir yang telah memasukkan unsur-unsur Israiliyyat dalam karya mereka.

Kitab Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir dianggap sebagai tafsir *bi mathur* namun keduanya juga tidak terlepas dari wujudnya unsur-unsur Israiliyyat dalam surah Yusuf. Maka adalah menjadi satu tanggungjawab yang penting untuk membongkarkan kisah Israiliyyat dalam kedua-dua kitab Tafsir tersebut kerana ianya adalah rujukan utama umat Islam.

Sebagai contoh, penyelidikan yang dilakukan oleh Nur Alfiah (2020) mengenai Israliyyat dalam Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir. Beliau mendedahkan kewujudan Israiliyyat dalam tafsir mereka dan membandingkan pendapat Al-Tabari dan Ibn Kathir tentang riwayat Israiliyyat. Manakala, Rahmat (2014) membincangkan Israiliyyat dalam surah Yusuf dengan lebih terperinci. Sehubungan itu, masih terdapat

kelompongan yang masih belum dikaji sama ada terhadap kedua tafsir ini secara umumnya atau mengenai riwayat Israiliyyat yang terdapat dalam surah Yusuf khasnya.

## 2. Metodologi Kajian

Kitab tafsir *bi mathur* yang digunakan dalam kajian ini ialah kitab Tafsir Al-Tabari dan kitab Tafsir Ibn Kathir. Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa terdapat beberapa cerita Israiliyyat yang termasuk dalamnya yang tidak benar, dan harus dikenal pasti bagi mengekalkan kemurnian martabat tafsir al-Quran. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa analisis periwayatan Israiliyyat dalam kedua-dua tafsir tersebut memerlukan perbincangan. Ini adalah penting untuk memahami kedudukan Israiliyyat secara menyeluruh atau sebaliknya. Penelitian dari segi kualiti sanad dan matan, serta cara Israiliyyat boleh dimasukkan dalam kedua-dua kitab tafsir tersebut kerana para pembaca sering menggunakan sebagai contoh dan rujukan (Nur Alfiah, 2010).

Menurut Syeikh Abu Shahbah (2006), walaupun imam besar telah dikritik, beliau masih tetap mempertahankan kedudukan mereka sebagai ulama *mutaqaddimin* yang dimuliakan (Ahmad Yunus Mohd Noor, 2018) sebagaimana kenyataan beliau:

إِنْ هُؤُلَاءِ السَّلَفُ الصَّالِحُ مِمَّا كَانَتْ عَلَيْهِمْ مُؤَخِّذَاتٍ فَضْلُهُمْ عَظِيمٌ وَخَرِيفُهُمْ كَثِيرٌ  
وَنَقْعُومُهُمْ عَمِيمٌ

Terjemahan: *Biarpun para salaf itu melakukan kesalahan akan tetapi keutamaan mereka lebih besar, kebaikan mereka lebih banyak dan manfaat mereka lebih luas.*

Kajian ini adalah kajian kepustakaan yang mengumpul maklumat daripada buku dan kajian lepas. Kemudian, teknik deskriptif verifikatif digunakan untuk menganalisis kajian ini. Data daripada sumber primer iaitu Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir digunakan, manakala data daripada sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian telah dikumpul menggunakan analisis dokumen.

Berdasarkan perspektif ulama, penulis merasa terdorong untuk meneliti dan membandingkan dua tafsir iaitu Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir tentang Surah Yusuf, bersama-sama dengan beberapa Israiliyyat yang disebutkan di dalamnya.

## 3. Dapatkan Dan Perbincangan

### **3.1 Pengenalan Para Imam Dan Tafsir**

#### *i. Imam al-Tabari dan Tafsir Al-Tabari*

Menurut Muhammad Al-Zuhaili (1990), nama Imam Al-Tabari ialah Abu Jaafar Muhammad Ibn Jarir Ibn Yazid Ibn Khalid Al-Tabari dilahirkan di Amul, iaitu ibu kota Tabaristan pada tahun 224H. Al-Tabari hidup pada zaman Khalifah Abasiyyah dan dilahirkan pada awal pemerintahan Khalifah Azzahabi. Beliau meninggal dunia pada zaman Khalifah Al-Muqtadir billah pada 310H.

Menurut Abd Al-Mun'im Al-Namru (1985) imam Al-Tabari adalah seorang ulama yang terkenal pada zaman Tabiin. Beliau bukan sahaja seorang ahli hadith, mufassir, dan ahli sejarah, tetapi beliau juga memberi sumbangan besar kepada pelbagai bidang ilmu. Sejak kecil, Al-Tabari mengabdikan diri kepada pencarian pengetahuan, dan seluruh usianya dihabiskan untuk tujuan itu. Beliau tidak berpeluang mendirikan rumah tangga kerana kecintaan terhadap ilmu.

Al-Tabari mula menghafaz al-Quran pada umur tujuh tahun dan mahir hadith pada usia sembilan tahun. Selain itu, seawal umur 12 tahun, beliau sudah memulakan perjalanan ilmu. Beliau menguasai pelbagai bidang seperti fiqh, syair-syair, nahu, al-Quran, dan bahasa apabila dia berumur dua puluh tahun. Bahkan bapanya sendiri Jarir, menyokong beliau dengan kuat. Al-Tabari mudah belajar kerana bapanya. Pada mulanya, bapa beliau juga melihat kepintaran anaknya. Menurut Al-Tabari (2001), bapanya pernah bermimpi melihatnya berada di antara tangan Rasulullah SAW dan satu karung berisi batu.

Tafsir Al-Tabari merupakan tafsir yang dikategorikan sebagai *Tafsir bi Mathur* iaitu Tafsir yang meletakkan al-Quran sebagai sumber rujukan utama ketika mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran, kemudianya menjadikan hadis riwayat yang bersumberkan Rasulullah SAW, para sahabat, tabiin, tabi' tabiin sebagai rujukan utama bagi mentafsir dan menerangkan maksud sesuatu ayat al-Quran (Manna' Al-Qattan, 2000) (Al-Dhahabi Muhammad Husayn, t.t). Walau bagaimanapun, beliau juga menggunakan pandangannya sendiri semasa mentafsirkan ayat-ayat al-Quran ketika memilih keputusan yang terbaik dari riwayat yang disebut.

Imam al-Suyuti menyatakan bahawa kitab Tafsir Ibn Al-Tabari melengkapi segala keperluan pentafsiran seperti bersandarkan kepada riwayat-riwayat terdahulu, *istinbat* hukum, keperluan bahasa seperti *i'rab*, *nukat*, *balaghah* dan sebagainya (Al-Suyuti, tt). Usaha al-Tabari mentafsirkan ayat-ayat al-Quran adalah dengan beberapa pendekatan

seperti pendekatan *al-Tawjih*. Melalui pendekatan ini beliau mentafsirkan sesuatu ayat dengan memasukkan segala riwayat yang berkaitan tafsiran ayat tersebut sama ada dari sudut sejarah, bahasa, fiqh dan sebagainya. Beliau juga menyenaraikan pandangan-pandangan ulama dalam pendekatan komparatif bagi membahaskan sesuatu isu dan membandingkan pandangan sebahagian daripada mereka dengan yang lain (Asmadi Bin Abdul Rahman, & Abdul Rahman Bin Abdul Ghani, 2021).

Khidmat Al-Tabari bukan sekadar itu sahaja, bahkan telah melakukan pendekatan *al-Tarjih* untuk memilih tafsiran yang lebih tepat dengan menggunakan Tafsir *bi al-Ra'yi*. Dengan pendekatan ini, beliau mengemukakan hujah-hujah bertujuan menguatkan sesuatu hukum atau mendaifkan sesuatu hujah, dan kemudiaanya berijtihad untuk mengeluarkan pandangan yang paling sahih dan akan diaplikasi oleh umat pada ketika itu (Asmadi Bin Abdul Rahman, & Abdul Rahman Bin Abdul Ghani, 2021).

Dapat dilihat dengan jelas dalam kitab Tafsir Al-Tabari apabila beliau hanya menerima tafsir ulama terdahulu melalui metode *al-Ma'thur* tetapi beliau turut mentafsir al-Quran dengan menggunakan *manhaj* tafsir *bi al-Ra'yi*.

### *ii. Imam Ibn Kathir dan Tafsir Ibn Kathir*

Tafsir Ibn Kathir adalah tafsir yang paling masyhur dalam dunia Islam. Tafsir ini juga dipanggil Tafsir al-Quran al-'Azhim. Tafsir ini disandarkan kepada Ibn Kathir iaitu nama sebenar beliau Abu Al-Fida' 'Imad al-Din Ismail bin Umar bin Kathir bin Dhau' bin Kathir Zara' Al-Qurasy Al-Syaf'I (Ibn Kathir. 1999). Manakala menurut Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman Alu Syaikh (2008) iaitu pentahqiq Tafsir Ibn Kathir, nama Ibn Kathir adalah al-Hafiz 'Imaduddin Abul Fida' Isma'il bin Umar bin Kathir al-Qurasyi ad-Dimasyqi.

Ibn Kathir dilahirkan di Mijdal, di bahagian timur Bashrah, pada tahun 700H, atau 1301 M. Dia meninggal dunia pada hari Khamis 26 Sya'ban 774H, atau 1374M. Menurut Dr. Muhammad Husin Al-Zahabi (2000), ayah Ibn Kathir berkhidmat sebagai khatib di kampungnya, tetapi dia meninggal dunia semasa Imam Ibn Kathir baru berumur empat tahun. Sesetengah orang berpendapat ketika umur tiga tahun. Pada tahun 1305m, Ibn Kathir berpindah ke Syria bersama saudaranya, Syaikh Abdul Wahhab, setahun selepas ayahnya meninggal dunia. Bersama saudaranya inilah beliau memulakan jaulah ilmiyah. Beliau menghafaz al-Quran ketika berumur sebelas tahun dan kemudian mempelajari Qiraat dan Tafsir dengan Syeikh Al-Islam Ibn Taymiah.

Tafsir Ibn Kathir atau Tafsir al-Quran al-Azim adalah penulisan tafsir ulung yang dihasilkan oleh Ibn Kathir. Ianya merupakan tafsir utama kedua yang menjadi rujukan selepas Tafsir Al-Tabari. Beliau mentafsirkan ayat dengan merujuk kepada sumber yang *mathur* iaitu pentafsiran al-Quran yang bersandar kepada riwayat-riwayat yang sahih sebagaimana disebutkan di dalam syarat-syarat seorang ahli *tafsir bi mathur* iaitu tafsir al-Quran dengan al-Quran, tafsir Quran dengan sunnah dan tafsir al-Quran dengan pendapat sahabat dan merujuk kepada pendapat tabiin (Fauzi Deraman, Mustafa Abdullah, 2010).

Penulisan Tafsir Ibn Kathir juga memberikan penerangan tentang Israiliyyat dan penjelasan tentang hukum secara khusus. Beliau menjelaskan riwayat-riwayat Israiliyyat yang ada dalam tafsirnya dan memberikan pandangan berkaitan riwayat-riwayat tersebut. Sebagai contoh, beliau mentafsirkan kisah lembu betina dengan mengemukakan riwayat-riwayat berkaitan lembu betina dan beliau menyatakan riwayat tersebut diambil daripada kitab-kitab Bani Israel. Ia merupakan riwayat yang harus untuk kita menukilkannya namun kita tidak sekali-kali membenarkannya dan tidak juga menolaknya (Mohd Sukki Othman, tt).

### 3.2 *Israiliyyat*

Menurut Abu Shahbah (2006), Isra'iliyat merupakan perkataan jamak dari mufrad إسرائيلية yang dinisahkan kepada Bani Israel. Dalam bahasa Ibrani pula bermaksud hamba Allah SWT dengan penggabungan Isra yang bermaksud hamba manakala il bermaksud Allah. Isra'il juga merujuk kepada Nabi Yaakub bin Ishak bin Ibrahim a.s yang mana 12 daripada keturunan baginda yang disebut dengan Bani Israil.

Walau bagaimanapun, ulama berbeza pendapat tentang cara menggunakan istilah untuk menerangkan makna Israiliyyat. Seperti yang dinyatakan oleh Al-Zahabi (2000), penulis menyimpulkan bahawa Israiliyyat bermaksud pengaruh kebudayaan Yahudi terhadap pentafsiran al-Quran. Namun, mereka menggunakan istilah yang lebih jelas, iaitu kesan kebudayaan Yahudi dan Nasrani terhadap tafsir al-Quran.

Dr. Solah Al-Khalid juga bersetuju bahawa Israiliyyat adalah lebih umum dan bukan hanya berasal daripada Yahudi. Sebagaimana dinyatakan oleh Dr. Ishak (1998), jika perkara yang datang itu adalah karut-marut, khurafat, pendustaan, kesesatan, dan perkara syubhah, maka ia adalah Israiliyyat, dan bukan hanya berasal dari Yahudi. Al-Zahabi (t.t) mentakrifkan Israiliyyat sebagai cerita dongeng yang dimasukkan ke dalam tafsir dan hadis kerana ia berasal daripada orang Yahudi, Nasrani

dan lain-lain. Begitu juga cerita-cerita yang sengaja dibawa masuk tanpa sumber asas sebagai rujukan atau sekadar rekaan.

Jika dilihat melalui perspektif Ilmu Hadis, Israi'liyat dikenali sebagai Akhbar Israi'liyat. Muhammad Muhammad Abu Zahw mengatakan sebarang periyawatan yang diambil daripada Ka'ab al-Ahbar dan Wahab Ibn Munabbih adalah merupakan Akhbar Israi'liyat dan bukannya Hadis Nabawi.

Dr. Ishak Sulaiman (1998) menyatakan bahawa istilah Israiliyyat terbahagi kepada dua kategori: klasik (bermaksud sejarah) dan kontemporari (bermaksud moden). Menurut Dr. Muhammad Hussein al-Dhahabi, Muhammad Muhammad Abu Zahw, dan Dr. Muhammad b. Muhammad Abu Shahbah, Israiliyyat jenis klasikal (sejarah) merupakan perkhabaran, periyawatan dan kisah-kisah yang berasal dari Yahudi yang telah memberi kesan kepada beberapa aspek penyelidikan tafsir dan sunnah.

Namun, Israiliyyat kontemporari (moden) berdasarkan perspektif Dr. Solah al-Khalidi, yang menyatakan bahawa setiap cerita adalah khurafat, karut-marut, pendustaan, kesesatan dan shubhah, walaupun ia tidak berasal dari Yahudi semata-mata. Jika ia berasal dari orang Nasrani, Parsi, atau Rom yang jelas mempunyai persamaan di atas, maka ia boleh dianggap sebagai Israiliyyat. Beliau berpendapat bahawa kedua-dua pengertian tersebut boleh diterima secara ilmiah berdasarkan perkembangan semasa.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Abu Shahbah pada tahun 2006, beliau menyatakan bahawa riwayat Israiliyyat yang dipaparkan dalam kitab-kitab tafsir telah dicemari dengan riwayat yang tidak sahih sehingga menyebabkan isu akidah dan mengganggu pegangan umat Islam. Menurut Zakaria (2012), ramai dalam kalangan masyarakat Arab ketika itu yang buta huruf dan tidak tahu membaca namun terdapat segolongan ahli kitab seperti orang Yahudi terutamanya terkenal sebagai ahli kitab dan pembaca kitab Taurat. Namun, terdapat sebilangan ahli Yahudi yang dikenali sebagai ahli kitab yang menjadi sumber asal kepada kisah Israiliyyat sebelum mereka memeluk agama Islam seperti Abdullah bin Salam, Kaab Al-Ahbar dan Wahab bin Munabbih. Apabila mereka ini memeluk agama Islam, mereka lebih mengutamakan menafsirkan sesuatu ayat berdasarkan ayat al-Quran yang lain dan hadis sahih.

Walaupun Nabi Muhammad SAW sebagai penyampai risalah serta menjadi tempat rujukan umat, namun masih terdapat sebilangan kecil yang merujuk kepada ahli kitab khususnya berkait dengan

persoalan *Kawniyyat*, *Qisas al-Anbiya'* (kisah para nabi) dan *Ghaibiyat* (perkara ghaib).

### 3.3 *Intisari Surah Yusuf*

Surah Yusuf berada pada surah ke 12 mengikut susunan al-Quran. Surah ini mengandungi 111 ayat yang terdiri dari surah Makkiyah. Kandungannya utamanya tentang kehidupan Nabi Yusuf AS, Kisah ini mengandungi kisah-kisah ghaib yang menunjukkan mukjizat Nabi Muhammad SAW.

Surah Yusuf adalah salah satu daripada *ahsanul qasasi* iaitu sebaik-baik cerita yang diwahyukan oleh Allah SWT kerana ia mempunyai banyak hikmah dan pengajaran untuk orang yang beriman. Pengajaran yang memerlukan orang beriman menggunakan akal mereka kerana perkara utamanya mengenai permasalahan dunia dan akhirat, sabar apabila menghadapi kesusahan, dan pemaaf apabila ia berada di pihak yang berkuasa (Ibn Al-Jauzi, 1987).

Mohamad Sayyid Qutb menyatakan bahawa kisah-kisah dalam al-Quran bukan hanya cerita yang mengandungi nilai-nilai seni dalam gaya bahasa dan penggambaran peristiwa, tetapi ia juga berfungsi sebagai alat penting untuk memberi pendidikan agama dan teologi. Menurut Zaenal Arifin (2016), kisah-kisah dalam al-Quran berasal daripada kisah-kisah yang dipilih, yang merupakan wahyu daripada Allah SWT dan berfungsi sebagai pengajaran untuk orang yang berakal untuk menguatkan iman mereka.

Asbab nuzul bagi surah ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Jarir Al-Tabari dengan sanad beliau sendiri daripada Ibn Abbas yang disebutkan oleh beliau dalam tafsirnya; Ibn 'Abbas mengatakan, mereka (para sahabat) berkata kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, kami memohon engkau bercerita kepada kami." Maka turunlah ayat 3 sebagaimana firman Allah SWT:

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْفَصَصِ بِمَا أُوحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنُ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ

Terjemahan: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya. (Surah Yusuf. 12:3)(Ibn Jarir Al- Tabari, 2001)

### ***3.4 Komparatif Pendirian Imam Al-Tabari dan Imam Ibn Kathir Terhadap Riwayat Israiliyyat Yang Terdapat Dalam Surah Yusuf***

Surah Yusuf terhimpunnya tentang kisah Nabi Yusuf AS. Walau bagaimanapun, Tafsir Al-Tabari menggunakan riwayat Israiliyyat untuk menjelaskan banyak cerita Nabi Yusuf AS. Semua orang mengetahui bahawa kisah-kisah dalam al-Quran yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW adalah untuk memberi peringatan dan pengajaran untuk generasi akan datang. Walau bagaimanapun, ancaman Israiliyyat ini telah menceritakan kisah Nabi Yusuf AS secara berlebihan. Perkara ini telah menyebabkan fahaman khurafat tersebar luas sehingga menyukarkan untuk membezakan antara yang benar dan palsu.

Dalam kajian perbandingan antara Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir, artikel ini membincangkan beberapa riwayat Israiliyyat yang terdapat dalam surah Yusuf. Untuk memudahkan pembaca membezakannya dengan tafsiran al-Quran yang sebenar, penulis juga mengkaji perbezaan kedua tafsir ini akan beberapa kisah Israiliyyat.

Beberapa kisah telah dipilih berdasarkan kajian perbandingan kisah Israiliyyat mengikut dua Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir untuk Surah Yusuf. Walaupun terdapat banyak Israiliyyat, penulis hanya memilih dua untuk kajian ini. Surah Yusuf mempunyai dua kisah yang dipilih: yang pertama mengenai nama Al-Aziz dan isterinya, dan yang kedua mengenai keinginan perempuan Aziz untuk berkahwin dengan Nabi Yusuf.

#### ***3.4.1 Kepelbagaian nama Al-Aziz dan isteri***

Kisah ini diwahyukan oleh Allah SWT iaitu:

وَقَالَ الَّذِي اشْتَرَاهُ مِنْ مَصْرَ لِامْرَأَتِهِ أَكْرِمِي مَشْوَاهُ عَسَىٰ أَنْ يَنْفَعَنَا أُو نَتَحْدِهُ  
وَلَدًا ۝ وَكَذِيلَكَ مَكَّا لِيُوسُفَ فِي الْأَرْضِ وَلِتَعْلَمَهُ مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ ۝ وَاللَّهُ عَالِمٌ  
عَلَىٰ أَمْرِهِ وَلُكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Dan (setelah Yusuf dijualkan di negeri Mesir), berkatalah orang yang membeli Yusuf kepada isterinya: "Berilah dia layanan yang sebaik-baiknya; semoga ia berguna kepada kita, atau kita jadikan dia anak". Dan demikianlah caranya kami menetapkan kedudukan Yusuf di bumi (Mesir untuk dihormati dan disayangi), dan untuk kami mengajarnya sebahagian dari ilmu takbir mimpi. Dan Allah Maha Kuasa

melakukan segala perkara yang telah ditetapkanNya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Surah Yusuf, 12:21)

### i. *Pandangan Al-Tabari*

Menurut ayat di atas, Al-Tabari telah meriwayatkan mengenai nama orang Mesir dan juga nama isterinya yang telah membeli Nabi Yusuf AS. Nama sebagaimana berikut:

حدثني محمد بن سعد، قال: حدثني أبي، قال: حدثني عمي، قال: حدثني أبي، عن أبيه،  
عن ابن عباس، قال: كان اسم الذي اشتراه قطفير.

Terjemahan: Muhammad bin Saad menceritakan kepadaku, ia berkata: Ayahku menceritakan kepadaku, ia berkata: Bapa saudaraku menceritakan kepadaku, ia berkata: Ayahku menceritakan kepadaku dari bapanya, dari Ibn Abbas, ia berkata: "Nama orang yang membelinya adalah Qitfir" (Ibn Jarir Al-Tabari, 2001)

Manakala nama isterinya pula berdasarkan riwayat berikut:

حدثنا ابن حميد، قال: حدثنا سلمة، عن ابن إسحاق، عن محمد بن السائب، عن أبي صالح، عن ابن عباس (وقال الذي اشتراه من مصر لامرأته) واسمها فيما ذكر ابن إسحاق: راعيل بنت رعائيل

Terjemahan: Ibn Hamid menceritakan kepada kami, ia berkata: Salamah menceritakan kepada kami dari Ibn Ishaq, dari Muhammad bin as-Sa'ib, dari Abu Shalih, dari Ibn Abbas, tentang firman Allah, 'Dan orang Mesir yang membelinya berkata kepada istrinya, 'bahawa nama wanita yang telah disebutkan Ibn Ishaq adalah Ra'il binti Ru'ail'" (Ibn Jarir Al-Tabari, 2001).

Al-Tabari menyatakan bahawa riwayat Israiliyyat yang diterimanya adalah daripada Ibn Abbas. Menurut Al-Tabari (2001), riwayat itu tidak memberikan sebarang maklum balas mengenai hadis ini. Walaupun Ibn Ishak lebih dikenali sebagai seorang perawi yang diragui dalam meriwayatkan hadis ini dalam hadis kedua.

### *ii. Pandangan Ibn Kathir*

Manakala Imam Ibn Kathir pula membawakan hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Ishak iaitu:

وقال محمد بن إسحاق: اسمه إطفير بن روحيب، وهو العزيز، وكان على خزان مصر،  
وكان الملك يومئذ الريان بن الوليد، رجل من العمالق قال واسم امرأته راعيل بنت  
راعائيل:

Terjemahan: Ibn Ishaq berkata, “Bahawa nama si pembeli adalah Itfir Ibn Ruhaib, menteri negeri Mesir yang ketika itu adalah Menteri Perbendaharaan Mesir. Manakala raja pada masa tersebut adalah Ar-Rayyan Ibn Walid, seorang lelaki dari keturunan bangsa ‘Amaliq.

Menurut Tafsir Ibn Kathir, perdana menteri Mesir, atau Al-Aziz adalah orang yang membeli Nabi Yusuf AS. Oleh itu, kemungkinan besar beliau akan memberikan seorang kawan kepada isterinya untuk menemaninya semasa beliau sibuk. Walau bagaimanapun, ulama hadis banyak mengecam Ibn Ishak kerana dia sering membawa hadis yang lemah dan mungkar.

### *iii. Analisis Penulis:*

Di dalam kitab *Mafatih Al-Ghayb*, Imam Fakhr al-Razi menceritakan kisah yang sama tentang penjualan Nabi Yusuf AS kepada Al-Aziz yang bernama Qitfir atau Itfir dan isterinya, Zulaikha atau Ra'il. Ketika itu, Al-Rayyan bin Al-Walid, raja Mesir, berasal dari bangsa Amaliq. Walau bagaimanapun, Imam al-Razi menyatakan bahawa kisah ini tidak terdapat di dalam al-Quran atau dalam hadis sahih (Fakhruddin Al-Razi, 1981). Ini adalah kerana pentafsiran al-Quran tidak boleh bergantung pada riwayat rekaan seperti ini. Oleh itu, kita mesti berhati-hati.

Menurut Tafsir al-Manar oleh Muhammad Rasyid Ridha, nama orang Mesir yang membeli Nabi Yusuf AS tidak disebutkan secara jelas dalam al-Quran. Tiada kenyataan yang jelas mengenai nama istrinya juga berlaku. Kitab al-Quran bukan kitab sejarah, itulah sebabnya. Kitab al-Quran adalah kitab yang mengandungi cerita-cerita yang penuh dengan hikmah, nasihat, dan pelajaran. Walaupun Al-Aziz hanyalah gelaran yang dihormati. Setelah mendapat kepercayaan dan dilantik oleh raja Mesir, Nabi Yusuf kemudiannya menerima gelaran terhormat itu (Ali Mursyid, Zidna Khaira Amalia, 2016).

Walau bagaimanapun, perkataan *Imraah* yang digambarkan sebagai isteri kepada Perdana Menteri Mesir yang bernama Ra'il, dan kisah perkahwinannya dengan Nabi Yusuf AS tidak disebutkan dalam al-Quran atau hadis Nabi SAW. al-Quran dan hadis tidak menyokong atau membantah kenyataan tersebut. Sementara itu, seperti yang dinyatakan oleh Imam Ibn Kathir, perkataan Zulaikha hanyalah gelaran dan bukannya nama.

Jika dilihat akan uslub al-Quran juga tidak menceritakan hal tersebut kecuali memberikan faedah atau pengajaran kepada orang yang mengetahuinya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah yang sama iaitu:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِكَ الْأَلْبَابِ ۝ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَنَىٰ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي  
بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّلنَّفُومِ يُؤْمِنُونَ

Terjemahan: Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman. (Surah Yusuf , 12:111).

### 3.4.2 Kisah Godaan Imraah Aziz kepada Nabi Yusuf

Penulis beranggapan bahawa kisah ini adalah kisah yang popular yang sering menjadi topik utama untuk dibicarakan. Kisah ini kerap menjadi hujah serta pilihan bagi membina institusi kekeluargaan serta alam perkahwinan. Hal ini kerana kisah yang berlaku di antara isteri seorang pembesar Mesir serta seorang Nabi. Berdasarkan perkara ini, ayat al-Quran yang menjadi rujukan ialah:

وَلَقَدْ هَمَتْ بِهِ ۝ وَهَمَ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَىٰ بُرْهَانَ رَبِّهِ ۝ كَذَلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ السُّوءَ  
وَالْفَحْشَاءَ ۝ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ

Terjemahan: Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhananya (tentang

kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa. (Surah Yusuf, 12:24)

### i. *Pandangan Al-Tabari*

Berdasarkan ayat ini, Al-Tabari membawa beberapa riwayat Israiliyyat (Ibn Jarir Al-Tabari, 2001) yang menceritakan tentang penggodaan Imraah Aziz terhadap Nabi Yusuf AS dan keadaan baginda semasa dia digoda. Kami menerima maklumat daripada Ibn Waki, yang menyatakan bahawa Amr bin Muhammad menceritakan kepada kami, mengatakan: Asbath menceritakan kepada kami dari As-Suddi, tentang firman: ﷺ هَذِهِ الْمُرْسَلَاتُ إِنَّمَا يَنْهَا عَنِ الْمُرْسَلِينَ وَهُنَّ مِنْ أَنفُسِ الْأَنْفُسِ yang bermaksud, "Sesungguhnya wanita itu telah bermaksud (melakukan perbuatan itu) dengan Yusuf, dan Yusuf pun bermaksud (melakukan) dengan wanita itu". Ia berkata, "Zulaikha berkata kepada Yusuf, "Wahai Yusuf, betapa indahnya rambutmu", Yusuf menjawab "Ia adalah yang pertama kali akan gugur dari badanku". Zulaikha berkata kepada Yusuf, "Wahai Yusuf, betapa tampan wajahmu". Yusuf menjawab, "Itu akan menjadi makanan tanah, dan akan terus demikian sampai ia menelannya".

Zulaikha kemudiannya terpesona dengan Yusuf dan Yusuf pun terpesona dengannya. Keduanya lalu masuk rumah dan mengunci pintu. Yusuf pun mulai menanggalkan seluarnya, namun tiba-tiba bayangan Ya'qub berdiri di rumah, menggigit jarinya sambil berkata, 'Wahai Yusuf, janganlah kamu melakukannya, kerana perumpamaanmu selama kamu tidak melahirkannya adalah seperti burung di langit yang tidak memiliki kekuatan dan perumpamaanmu jika melakukannya adalah seperti ia mati dan jatuh ke bumi kerana tidak mampu mempertahankan dirinya. Perumpamaanmu jika tidak melakukannya adalah seperti sapi yang tidak jinak, yang tidak boleh dilakukan. Perumpamaanmu jika melakukannya adalah seperti sapi yang mati, maka semut masuk pada hujung dua tanduknya, dan ia tidak boleh membela dirinya sendiri'.

Ia kemudiannya memakai seluarnya dan ingin keluar, tetapi Zulaikha menangkap Nabi Yusuf AS dan memegang hujung bajunya dari belakangnya sehingga Nabi Yusuf AS mengoyaknya sampai terlepas darinya. Yusuf menjauhinya dan bergegas menuju ke pintu. Dalam riwayat lain, Abu Kuraib, Sufian bin Waki, dan Sahl bin Musa Al-Razi berkata: Ibn Uyainah menceritakan kepada kami dari Sufian bin Abi Sulaiman, dari Ibn Abi Mulaikah, dari Ibn Abbas, ketika ditanya tentang ayat هَذِهِ يُوسُفُ، bagaimana menurutnya? Ia berkata, "Melepaskan tali

celana dan duduk di hadapannya seperti duduknya juru khitan."Riwayat hadis ini milik Abu Kuraib.

Namun dalam kisah-kisah ini menceritakan riwayat mungkar bagi seorang nabi yang terjaga daripada melakukan dosa. Walaupun al-Tabari tidak membincangkan status hadis itu, ia sepatutnya ditolak dengan alasan dan bukti kerana tuduhan ini merupakan tuduhan yang tidak benar terhadap seorang nabi.

### *ii. Pandangan Ibn Kathir*

Menurut Imam Ibn Kathir, tiada riwayat menunjukkan bagaimana Imraah Aziz menggoda Nabi Yusuf atau bagaimana keadaan Nabi Yusuf pada masa itu. Menurut Ibn Kathir (2002), beliau hanya berdiam diri dan tidak memberikan sebarang ulasan tentang unsur Israiliyyat yang terdapat dalam ayat ini. Terdapat juga riwayat Israiliyyat yang Ibn Kathir tidak mengulas.

### *iii. Analisis Penulis*

Al-Tabari menyebutkan beberapa riwayat yang tidak sahih tentang bagaimana seorang nabi yang sepatutnya terpelihara daripada melakukan dosa. Sesetengah ulama bahkan bersetuju bahawa semua Nabi adalah maksum, bermakna mereka tidak melakukan dosa. Begitu juga Ibn Kathir, yang tidak menafi atau membuat kenyataan yang betul tentang riwayat ini.

Sheikh Abu Shahbah (2006) menyatakan bahawa semua riwayat ini jelas menunjukkan bahawa ini adalah hadis palsu yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW. Hadis ini berasal dari kisah Israiliyyat yang diceritakan oleh pendeta Yahudi yang memeluk Islam. Kisah-kisah ini jelas tidak benar dan bercanggah kerana ia mengandungi elemen untuk menghina maruah dan martabat Nabi Yusuf AS sebagai nabi dan rasul. Bahkan kisah Israiliyyat ini mengandungi pelbagai versi tentang keinginan Imraah Aziz dalam sebahagian besar kitab tafsir.

Abu Shahbah membuktikan kebatilan riwayat-riwayat ini dengan menjelaskan maksud, gaya bahasa dan taqdim wa ta'khir yang mana ayat yang sebenarnya ingin disampaikan ialah sekiranya dia tidak melihat tanda dari Tuhanya maka Yusuf AS pun berkehendak kepadanya, bererti firman Allah SWT ﴿وَهُمْ بِهَا﴾ ialah jawab kepada ﴿لَوْلَا﴾ yang didahulukan.

#### **4. Kesimpulan**

Berdasarkan Tafsir Tabari dan Ibn Kathir, kajian kali ini hanya melihat dua perkara yang mempunyai riwayat Israiliyyat. Kajian tentang Israiliyyat dalam al-Quran sepatutnya dikaji secara menyeluruh. Hal ini kerana tujuan utama adalah untuk mengekalkan kebenaran kisah yang terkandung dalam al-Quran dan kesucian kitab Allah SWT.

Ulama secara amnya bersetuju bahawa ajaran Yahudi dan Nasrani adalah asas Israiliyyat. Penulisan ini juga menunjukkan bahawa jika Israiliyyat dimasukkan ke dalam kitab tafsir tanpa menyemak, ia akan memberi gambaran yang buruk tentang kesucian kitab tafsir al-Quran. Terdapat kemungkinan bahawa kisah-kisah yang mengandungi perkara khurafat dan kebatilan yang dikaitkan dengan orang Yahudi dan Nasrani akan merosakkan identiti dan kepercayaan umat Islam. Perkara Israiliyyat ini tidak boleh dirujuk, kerana ia jelas bercanggah dengan nas al-Quran dan al-Sunnah.

Walaupun begitu, tafsir *bi mathur* yang bergantung pada riwayat nabi, sahabat dan tabiin, seperti Tafsir Al-Tabari dan Tafsir Ibn Kathir juga tidak bebas daripada unsur-unsur Israiliyyat. Bahkan setiap riwayat perlu dikritik dan dinilai. Oleh itu, kritikan dan penilaian akan mengajar pembaca untuk menilai kisah dalam kitab tafsir dengan lebih teliti. Para pembaca harus berhati-hati dengan kisah-kisah yang dipaparkan dalam buku ini dan karya yang ditulis oleh golongan orientalis dan pendokong mereka agar ia tidak menjelaskan kepercayaan mereka.

#### **RUJUKAN**

Al- Quran al-Karim.

- Abd Al-Mun'im Al-Namru (1985). Ilm Al-Tafsir, Kaifa Nasyaa wa Tatawwara Hatta Intaha ila Usurina Al-Hadir, Lubnan, Dar Al-Al- Islamiyyah, Beirut, 107
- Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad, (2006). Isra'iliyyat Wa Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir. Kaherah, Maktabah Sunnah Salafiah, 5
- Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman Alu Syaikh (2008), Tafsir Ibni Kathir, Indonesia, Pustaka Imam Asy-Syafi'I, Jilid ke 10, xi.
- Ahmad Najib bin Abdullah Soleh (1999). Al- Riwayah Al-Israiliyyat fi Tafsir Al- Tabari min Surah Al-Fatihah ila Akhir Surah Al-Isra' Jam'an Wadirasah , Tesis PhD, Universiti Islam Madinah, 16
- Ahmad Yunus Mohd Noor (2018), Perbahasan Isu Isra'iliyyat dalam Corpus al- Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir oleh Shaykh Abu Shahbah (1914-1983), Jurnal al-Turath; Vol. 3, No. 1, 6
- Ahmad Yunus Mohd Noor & Zahidah Zinal Abidin (2018). Perbahasan Israiliyyat Sheikh Husayn Al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah, Jurnal al-Turath; Vol. 3, No. 1, 6-8
- Ali Mursyid & Zidna Khaira Amalia (2016). Benarkah Yusuf Dan Zulaikha Menikah? Analisa Israiliyyat dalam Kitab Tafsir, Riwayat Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya 1, 1, 94-115

- Al-Khalidi, Solah Fatah, Israliyat Muasirah,
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah (2007). Ma'a Qasas al-Sabiqin Fi al-Quran, Damsyik: Dar Al- Qalam
- Al-Razi, Fakhruddin (1981). Mafatih Al-Ghaib, Lubnan: Dar Al-Fikr, Vol.18, 111
- Al- Tabari, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir, (2001). Tafsir Al- Tabari Jami' Al-Bayan an Takwil Aya Al-Quran, Dar Hibr, Kaherah, 80
- Al- Zahabi, Muhammad Husin (2000). Al-Tafsir wa al-Mufassirun, Vol. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah, 336.
- Al- Zahabi, Muhammad Husin (tt), Isra'iliyat fi al-Tafsir wa al-Hadith (Kaherah: Maktabah Wahbah, t.th, 57.
- Asmadi Bin Abdul Rahman, & Abdul Rahman Bin Abdul Ghani (2021), Metodologi Pentafsiran Al-Tabari Dalam Jamic Al-Bayan an Ta'wil Ay Al-Qur'an: Satu Kajian Awal. Jurnal Al-Sirat, 1(17), 32-40. <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/62>
- Fauzi Deraman, Mustafa Abdullah (2010), Pengantar Usul Tafsir, Intel Multimedia & Publication, 9
- Ibn Al-Jauzi, Imam Jamaluddin (1987), Zada Al-Masir fi Ilmi Al-Tafsir, Dar Al-Fikr
- Ibn Kathir, Abi Al-Fida' Ismail bin Umar, (1999). Tafsir Al-Qur'an Al-Azim, Saudi, Dar Toyyibah, 381-384
- Ishak Hj. Sulaiman (1998). Israiliyyat Dalam Pengajian Tafsir dan Sunnah, Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya, 1-12, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3356>
- Manna, Khalil al-Qattan (1973). Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an, t.tp, 380.
- Manna, Khalil al-Qattan (2000), Mabahith Fi 'Ulum al-Quran, Maktabah Wahbah, 373.
- Mohamad Zaenal Arifin (2016). Pendidikan Moral Dalam Kisah Yusuf AS, Kordinat Vol. XV No. 1, 119
- Mohd Sukki Othman (tt), IlmuTafsir, Open University Malaysia, Selangor, 2011, hlm.88, <http://www.islamweb.net/media/index.php?page=article&lang=A&id=38745>
- Muhammad Al-Zuhaili (1990). Al- Imam Al-Tabari, Damsyik, Dar Al-Qalam, 31
- Muhammad Rasyid Ridho (1934), Tafsir Al-Manar, Mesir, Matba'ah Al-Manar, j.1
- Nur Alfiah (2010). Israiliyyat dalam Tafsir Al-Tabari dan Ibn Kathir ( Sikap Al-Tabari dan Ibn Kathir terhadap Penyusunan Israiliyyat dalam Tafsirnya, Tesis Ijazah Tinggi, Fakultas Ushuluddin, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 91
- Ramzi, Na'na'ah, (1970). Al-Israiliyyat Wa Atharuha Fi Kutub al-Tafsir. Beirut: Dar Baida', 8
- Rahmat bin Saad (2013). Al-Riwayah Al-Israiliyyah fi Qissah Yusuf A.S Dirasah Istiqrainah Naqdiah, Tesis Master, Kulliyah Ulum Al-Insaniyyah wal Al-Ijtimaiyah, Universite Abou Bekr Belkaid
- Zuhdi, Issam Al- A'bdu, Al-Israiliyyat fi Surah Ibn Jarir Al-Tabari lisurah Yusuf Arad wa Naqd, Qism Al-Tafsir wa Ulum Al- Quran bikulliyat Usuluddin bil Jamiah Ghazzah, Ghazzah. <https://tafsir.net/article/5162/alisra-iylyat-fy-tfsyr-at-tbry-lldktwrt-aamal-rby-ard-wtqwym>